

# Sekolah Adat penyatu kaum KDMR

Jinni Juanis

**K**EWUJUDAN Sekolah Adat di setiap daerah di negeri ini akan menjadi alat paling berkesan untuk menyatupadukan orang asal Sabah yang masih belum sehati sejiwa dan sukar bertentang mata dalam banyak aspek.

Presiden Persatuan Pengamal Adat Tradisional Sabah (Sunduan Nabalun) Shalmon Sanangan berkata, hanya melalui sekolah adat ini anak negeri khususnya kaum KDMR akan bersatu kerana di sini mereka akan belajar berkongsi visi dan misi yang sama melalui adat.

"Saya yakin sekolah ini mampu membantu memantap dan memulihara adat serta kebudayaan kaum KDMR dan orang asal yang lain. Ini sekaligus menyatukan mereka.

"Kerajaan hanya perlu menyalurkan dana untuk memperkasakan empat sekolah adat pertama yang sudah dibina sepanjang tahun 2022," katanya menjelaskan persatuan berharap dapat membina satu sekolah adat di setiap daerah seluruh Sabah dalam tempoh 10 tahun.

Shalmon berkata, mereka sudah memohon dana melalui Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (MHAENS) yang berjanji untuk membawa usul mereka kepada kerajaan, namun sehingga sekarang mereka belum menerima respons positif.

"Kami sudah merintis laluan untuk membina sekolah ini menggunakan kepakaran, tenaga, wang dan sumber kami yang terhad. Kami bangga, daripada tiada apa-apa kini kita ada empat sekolah adat yang dibuka dalam masa setahun.

"Motivasi kami adalah melihat betapa malangnya orang asal khususnya kaum KDMR pada masa akan datang jika mereka tidak tahu identiti, tidak kenal bahasa dan adat leluhur mereka.

"Oleh itu, sesuatu mesti dilakukan untuk memulih, memelihara adat dan kebudayaan mereka supaya tidak pupus ditelan zaman," katanya dalam temuramah dengan *Harian Ekspres* baru-baru ini.

Menurut Shalmon, membina satu sekolah adat di setiap daerah Sabah adalah satu impian yang besar dan ada yang mungkin melihatnya sebagai satu misi yang sukar

direalisasikan. Namun, dengan sokongan semua akar umbi, pemimpin dan kerajaan tiada yang mustahil jika ada usaha dan kerjasama daripada semua.

Sunduan komited dengan misinya dan sebagai bukti empat sekolah di Tuaran, Sapulut Nabawan, Telipok dan Tongod sudah beroperasi tahun ini dengan setiap sekolah mempunyai di antara 50 dan lebih 100 pelajar.

"Ini adalah bukti bahawa kami serius. Walaupun dengan sumber terhad, sekolah dapat dibina hasil kutipan dan derma daripada penduduk kampung dan pihak yang prihatin. Walaupun sekolah itu hanyalah pondok kayu tidak berdinging yang dilengkapi kemudahan paling asas, ia tidak menghalang kelas diadakan dua atau tiga kali dalam seminggu.

"Malah sejak berita keluar mengenai pelancaran sekolah pertama di Tuaran, ada institusi pengajian tinggi yang berminat untuk berkolaborasi dengan sekolah adat Sabah," katanya.

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Inti Internasional Universiti dikatakan berminat dengan sekolah adat dan sudah melawat ibu pejabat sekolah itu di Tuaran pada Ogos lalu.

Fakulti Ekologi Manusia UPM tertarik dengan sekolah adat pertama Malaysia ini dan mahu membantu memantapkan pengisian sekolah dengan berkongsi pengetahuan serta teknologi yang akan dimasukkan dalam silibus sekolah adat.

"Kami mengalu-alukan kolaborasi ini sebagai 'situasi menang-menang' di mana kami boleh menyediakan maklumat berguna untuk kajian ekologi manusia kepada universiti dan mereka pula berkongsi ilmu Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT)," tambahnya.

Pengarah Program Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan UTM di Fakulti Ekologi Prof Dr Sarjit Singh dalam lawatannya di sana, memuji sekolah adat itu yang akan dijadikan medium bagi penduduk anak negeri menimba pengetahuan mengenai adat dan budaya mereka.

Namun katanya, sekolah adat ini harus berfungsi dengan bantuan teknologi terkini untuk menyimpan



PELAJAR sekolah adat di sekolah pondok di Tongod.



Shalmon

maklumat. ICT dan kebudayaan tidak dapat dipisahkan zaman moden ini di mana dokumentasi, video bergambar dan sebagainya perlu disebarkan melalui gajet seperti telefon pintar, komputer riba serta aplikasi gajet berkaitan.

Terbaru, Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga berminat untuk bekerjasama dengan sekolah adat ini. Mereka berminat untuk memungkinkan bagaimana UMS boleh menawarkan pengajian diperingkat diploma dan ijazah mengenai adat.

Mereka juga mungkin memperhalusi 17 subjek yang diajar di sekolah adat untuk disesuaikan dengan silibus universiti. Kolaborasi dijangka dibuat bersama Borneo Institute for Indigenous Studies, salah satu jabatan dalam UMS.

Kata Shalmon, ketika pelancaran sekolah adat ketiga di Ulu Tolungan Telipok pada September lalu, sembilan pelajar pintar dari SMK Tun Fuad Stephen Kiulu hadir



SEKOLAH adat tidak berdinging menanti dana untuk dinaik taraf.

menyaksikan pelancaran itu dengan tujuan untuk mendedahkan mereka kepada adat dan kebudayaan.

Satu daripada mata pelajaran yang diajar di Sekolah Adat adalah belajar bahasa ibunda. Pendedahan mereka di sekolah adat itu menguatkan azam pelajar itu untuk bersungguh-sungguh belajar subjek KDM di sekolah aliran kebangsaan. Mata pelajaran sekolah adat yang sudah digariskan bukan sahaja

berkisar kepada adat dan budaya. Cara hidup orang asal yang dekat dengan alam dan hutan menjadi resipi sesuai untuk mewujudkan satu makmal asas untuk mereka belajar dalam penyelidikan herba.


"Belum ada lagi makmal yang boleh diakses oleh masyarakat adat di negeri ini. Impian kami ialah makmal itu dapat dibina untuk diguna pelajar kita dalam melakukan pelbagai eksperimen seperti penghasilan ubat tradisional dan herba," katanya.

Menurutnya, mereka yang datang ke sekolah adat adalah pelajar lepasan sekolah menengah berusia di antara 17 dan 74 tahun. Konsepnya seakan Maktab Kent di mana untuk jangka masa panjang diharap ia dapat melahirkan ramai guru yang pakar adat.

Templet sekolah adat ini akan mengikut buku panduan bertajuk *An Application On Borneo School of Cultural Heritage: Assessing The Development and Standardization of A systematic Cultural Heritage* yang ditulis Shalmon Sanangan.

Selain menggariskan operasi dan pentadbiran sekolah, buku itu turut menyenaraikan 17 mata pelajaran teras seperti undang-undang adat anak negeri, pertahanan diri cara adat, undang-undang tanah adat, ritual bobohizan, perubahan tradisional, geografi, muzik dan makanan serta minuman orang asal.

Akhirnya, apabila usaha ini berjaya ia diharap dapat memartabatkan institusi Huguan Siou, mengangkat adat anak negeri dan menjadi pusat ilmiah penyelidikan orang asal di negara ini.



GELANGGANG kuntau mesti ada di sekolah adat.